

12 JUN 2002

Abdullah-Pakistan/I

PAKISTAN BERHARAP DR MAHATHIR BANTU REDAKAN KETEGANGAN

PUTRAJAYA, 12 Jun (Bernama) -- Pakistan hari ini berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggunakan jasa baiknya untuk bercakap dengan kerajaan India bagi meredakan ketegangan dalam krisis Pakistan-India.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata wakil khas kepada Presiden Pakistan Najmuddin A. Shaikh menyuarakan harapan itu semasa mengunjungi beliau di pejabatnya di sini.

Beliau berkata wakil khas itu mengemukakan surat daripada Presiden Pervez Musharaff kepada Dr Mahathir yang pada masa ini sedang mengadakan lawatan ke Luxembourg.

Menurut Abdullah, surat itu mengandungi penjelasan kepada Perdana Menteri mengenai kedudukan Pakistan berhubung isu itu.

"Mereka berharap Dr Mahathir juga akan bercakap dengan kerajaan India," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

"Sudah tentu mereka tidak berdaya untuk mempengaruhi apa yang beliau (Dr Mahathir) hendak katakan tetapi dalam apa jua kes, mereka berharap pemimpin seperti Dr Mahathir dapat menggesa supaya ketegangan diredakan dan sekadar menyatakan kita tidak mahu tercetusnya perang antara kedua-dua negara ini," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata wakil berkenaan juga menyatakan bahawa Pakistan sedia mengadakan rundingan dua hala untuk menyelesaikan isu itu.

"Pada masa yang sama, sekiranya ia (rundingan dua hala) tidak berlaku, mereka inginkan pihak ketiga, yang dipersetujui kedua-dua pihak, supaya membantu mengemukakan penyelesaian terhadap isu Kashmir. Juga komitmen kerajaan Pakistan untuk tidak memulakan perang," katanya.

Menjawab soalan sekiranya Pakistan ingin menjadikan Malaysia sebagai negara ketiga itu, Abdullah berkata: "Dia tidak kata yang dia mahu kita jadi pihak ketiga, cuma dia jelaskan sekiranya masalah antara kedua negara tidak dapat diselesaikan maka sebaik-baiknya carilah pihak ketiga untuk menyelesaikannya."

Abdullah berkata Malaysia tidak mahu ketegangan berterusan di kawasan itu kerana ia akan memberi kesan kepada kestabilan di rantau berkenaan.

"Kalau kedua-dua pihak setuju untuk menyelesaikan masalah menggunakan negara ketiga sebagai orang tengah, itulah langkah yang baik menyelesaikannya," katanya.

-- BERNAMA

AZH ZS ROS RON